

# Mahasiswa Unisza sertai Larian Kampus 2.5 kilometer

**GONG BADAQ** – Selaras dengan usaha untuk membudayakan gaya hidup sihat, seramai 1,328 mahasiswa baharu Unisza menyertai Larian Kampus sejauh 2.5 kilometer.

Larian di sekitar kampus itu diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar agar dapat menikmati keindahan sekitar kampus baharu.

Menurut pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Farah Asyikin Razali, program sihat itu bukan sahaja mampu menggalakkan mahasiswa agar terlibat dalam aktiviti riadah tetapi mampu mengeratkan lagi hubungan sesama mereka.

“Sebagai pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang, sudah semestinya wujud perbezaan, namun dengan adanya program sihat ini cara tidak langsung memberi ruang kepada pelajar untuk lebih mengenali antara satu sama lain.



**Sebahagian mahasiswa yang menyertai Larian Kampus sejauh 2.5 kilometer menunjukkan sijil masing-masing.**

“Jadi, kita berharap agar aktiviti sebegini akan diteruskan pada masa akan datang dan pelajar juga perlu menjadikan aktiviti sukan sebagai amalan seharian bagi mendapatkan tubuh badan yang lebih sihat dan segar,” katanya.

Katanya, kesibukan dengan ulang keji tidak seharusnya menjadi

halangan buat pelajar untuk tidak terlibat dengan aktiviti riadah, sebaliknya ia perlu diseimbangkan antara kedua-duanya.

“Tidak semestinya kita perlu keluar untuk beriadah kerana segala kemudahan dan ruang kampus yang luas sudah mencukupi untuk aktiviti sihat pada waktu terluang,” katanya.

**SINAK HARAPAN 23/09/2014**